

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TOUCH 'N GO ZING
(TERPAKAI JIKA KEMUDAHAN TNG DISEDIAKAN)**

Versi: 15 Februari 2021

Jika Kemudahan TNG adalah:-

- a. digabungkan ke dalam sebarang kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank; atau
- b. disediakan dengan mengasingkan Kad Zing yang dikeluarkan bersempena dengan mana-mana Kad,

terma-terma dan syarat-syarat ini juga akan diguna pakai dan hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.

Definisi

- a. **"Fungsi Tambah Nilai Automatik"** ertinya ciri penambahan nilai automatic nilai wang yang disimpan dalam Cip TNG dengan Nilai Tambah Nilai Automatik apabila nilai wang yang disimpan di bawah Ambang Pra-Ditetapkan;
- b. **"Nilai Tambah Nilai Automatik"** ertinya jumlah RM100.00, RM200.00 atau RM300.00 seperti yang dipilih oleh Pemegang Kad, yang akan ditambah ke Cip TNG;
- c. **"Tidak Aktif"**, apabila digunakan berhubung dengan Kad Zing, ertinya kad yang tidak mempunyai Transaksi Kad (tambah nilai atau penggunaan) bagi tempoh dua puluh empat (24) bulan berturut-turut;
- d. **"Ambang Pra-Ditetapkan"** ertinya nilai minimum RM50.00 (atau jumlah lain seperti yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa);
- e. **"Kad Utama"** ertinya mana-mana MasterCard, Visa Card atau sebarang kad kredit jenama lain yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad utama menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad;
- f. **"Pemegang Kad Utama"** ertinya seseorang di mana dan atas namanya Kad Utama dikeluarkan dan termasuk mana-mana pemegang kad tambahan;
- g. **"Penyedia Perkhidmatan"** ertinya pihak yang telah membuat perjanjian dengan TNGSB di mana mereka akan menerima Touch 'n Go sebagai cara bayaran bagi pertukaran dengan penyediaan barang dan/atau perkhidmatan;
- h. **"TNGSB"** ertinya Touch 'n Go Sdn. Bhd. [199601034048 (406400-X)] sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pejabat berdaftarnya di Tower 6, Avenue 5, Bangsar South, No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, penyedia Perkhidmatan Touch 'n Go, dan termasuk pengganti hakmiliknya;
- i. **"Cip TNG"** ertinya mikrocip yang mengandungi Kemudahan TNG dengan Fungsi Tambah Nilai Automatik dibenamkan dalam Kad Zing;
- j. **"Kemudahan TNG"** ertinya kemudahan bayaran menggunakan dompet elektronik yang mengandungi nilai wang pra-bayar yang disimpan dengan Fungsi Tambah Nilai Automatik dalam Cip TNG dalam Kad Zing;
- k. **"Perkhidmatan Touch 'n Go"** ertinya sebarang perkhidmatan yang boleh disediakan oleh TNGSB dari semasa ke semasa untuk memudahkan bayaran oleh Pemegang Kad kepada Penyedia Perkhidmatan tol, bayaran letak kenderaan dan apa-apa caj lain, menggunakan Kemudahan TNG sebagai cara bayaran;
- l. **"Nilai Tidak Digunakan"** ertinya nilai wang disimpan yang tidak digunakan dalam Cip TNG yang dibenamkan dalam Kad Zing; dan
- m. **"Kad Zing"** ertinya kad yang mengandungi nama "Touch 'n Go Zing" yang mengandungi Cip TNG yang mempunyai Fungsi Tambah Nilai Automatik atau sebarang kaedah tambah nilai lain, untuk membolehkan akaun kad kredit berkenaan Pemegang Kad Utama didebitkan dengan jumlah yang sama dengan Nilai Tambah Nilai Automatik.

Melainkan konteks memerlukan sebaliknya, perkataan-perkataan yang tidak ditakrifkan secara khusus di sini hendaklah membawa erti yang sama seperti perkataan-perkataan yang ditakrifkan secara khusus dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.

Syarat-Syarat Penggunaan

- 1.1 Dengan memohon dan menerima atau menggunakan Kad Zing, Pemegang Kad bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 1.2 Kad Zing hanya akan didapati untuk kegunaan jika pemohon juga mempunyai Kad Utama yang sah.
- 1.3 Nilai Tambah Nilai Automatik boleh ditambah nilai dengan ejen yang terlibat dan Penyedia Perkhidmatan yang diberi kuasa oleh TNGSB.
- 1.4 Nilai simpanan dalam Cip TNG boleh digunakan untuk membayar perkhidmatan yang diberikan oleh Penyedia Perkhidmatan.
- 1.5 Kemudahan TNG mesti digunakan mengikut prosedur, arahan, garis panduan seperti yang boleh ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa.
- 1.6 Pemegang Kad tidak boleh memindah, menjual, merosak atau mengubah Kad Zing atau Cip TNG yang dibenamkan dalam kad tersebut.
- 1.7 Pemegang Kad mesti memaklumkan Bank jika terdapat sebarang perubahan kepada butir-butir yang diberikan oleh Pemegang Kad dalam Borang Permohonan.
- 1.8 Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan di bawah Kad Zing.

Fi dan Caj

- 2.1 Fi pengeluaran
 - (a) Fi sebanyak RM10.00 kini dikenakan untuk pengeluaran kad gantian, Bank boleh pada masa hadapan mengubah fi yang dikenakan dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis terdahulu kepada Pemegang Kad.
 - (b) Sebarang dan semua fi yang dikenakan boleh didebitkan dari akaun kad kredit Pemegang Kad Utama.

- 2.2 Tamat Tempoh Kad

Kad Zing tamat tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh pengeluaran mereka. Selepas tamat tempoh, Cip TNG tidak boleh digunakan dan sebarang nilai baki akan dibayar balik kepada Pemegang Kad mengikut Klausu.

Fi Tambah Nilai Automatik Touch 'n Go

- 2.3 (a) Melainkan kad CIMB Touch n' Go Visa (iaitu kad dwi-jenama antara TNGSB dan Bank), di mana fi tambah nilai automatik tidak dikenakan, dalam semua kes lain fi tambah nilai automatik RM1.50 akan dikenakan oleh TNGSB bagi setiap tambah nilai automatik yang berjaya dan didebitkan ke dalam akaun Pemegang Kad Utama. Denominasi tambah nilai automatik ditetapkan pada masa permohonan mengikut permintaan Pemegang Kad dan hanya boleh diubah atas permintaan Pemegang Kad dengan menyerahkan dan menukar Kad dengan satu yang mempunyai denominasi tambah nilai automatik yang diprogram semula dengan penggantian.
- (b) Fi tambah nilai automatik boleh dikenakan secara baru atau diubah dengan memberi Pemegang Kad Utama sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis terdahulu.

Fi Pemprosesan bagi Bayaran Balik Nilai Tidak Digunakan

- 2.4 Bayaran balik Nilai Tidak Digunakan kepada Pemegang Kad Utama tertakluk kepada yang berikut:
- (a) penerimaan permintaan Pemegang Kad Utama melalui faks surat atau telefon. Untuk kad yang hilang atau dicuri sahaja, permintaan untuk Kad Zing gantian akan dianggap sebagai permintaan untuk bayaran balik Nilai Tidak Digunakan pada kad yang hilang atau dicuri;
 - (b) fi pemprosesan RM5.00. Fi ini boleh diubah dengan memberi Pemegang Kad Utama sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis terdahulu;
 - (c) fi penyelenggaraan RM5.00 pada Nilai Tidak Digunakan boleh dikenakan enam (6) selang bulanan dari tarikh pertama Cip TNG menjadi Tidak Aktif;
 - (d) semua fi yang dikenakan atau terhutang kepada TNGSB boleh ditolak daripada Nilai Tidak Digunakan sebelum baki dibayar balik ke akaun kad kredit Pemegang Kad Utama; dan
 - (e) bayaran balik hanya boleh diminta untuk Kad yang tamat tempoh, hilang, dicuri, dipalsukan, dirosakkan atau ditamatkan, tetapi bukan dalam keadaan lain.

Penggunaan Kemudahan Tambah Nilai Automatik

- 3.1 Nilai Tambah Nilai Automatik akan ditambah nilai secara automatik ke atas kad jika baki dalam Cip TNG di bawah Ambang Pra-Ditetapkan.
- 3.2 Apabila transaksi tambah nilai automatik berlaku, Nilai Tambah Nilai Automatik dan semua fi yang dikenakan boleh didebitkan ke akaun kad kredit berkenaan Pemegang Kad Utama tanpa keperluan untuk memberi notis.
- 3.3 Bank boleh memberhentikan Fungsi Tambah Nilai Automatik bagi kad atas alasan yang mereka anggap munasabah (termasuk kes di mana terdapat had kredit yang tidak mencukupi atau kelakuan kredit yang tidak memuaskan bagi akaun kad kredit Pemegang Kad Utama). Walau bagaimanapun, Fungsi Tambah Nilai Automatik boleh diaktifkan semula jika Bank berpuas hati bahawa perkara-perkara yang mencetuskan Fungsi Tambah Nilai Automatik dihentikan telah diselesaikan pada kepuasan TNGSB dan Bank.
- 3.4 Untuk mengaktif semula Fungsi Tambah Nilai Automatik Pemegang Kad mesti terdahulu memanggil pusat panggilan berkenaan Bank dan meminta untuk pengaktifan semula dan, empat puluh lapan (48) jam selepas permintaan dibuat, Pemegang Kad dikehendaki mengemukakan kad berkenaan di kaunter Touch 'n Go yang ditentukan oleh TNGSB untuk pengaktifan semula.

Pertikaian mengenai Transaksi atau Pendebitan Fi dan Caj

- 4.1 Sebarang debit yang dipertikaikan yang dilakukan ke atas Kad Utama hendaklah dilaporkan kepada Bank dalam 14 hari dari penerimaan atau dianggap sebagai penerimaan penyata kad kredit yang berkenaan jika tidak Pemegang Kad Utama dianggap telah bersetuju dengan perkara yang dimasukkan dan mengesahkan mereka sebagai betul.
- 4.2 Sebarang transaksi penggunaan nilai yang disimpan dalam Cip TNG yang dipertikaikan mesti dibawa ke perhatian TNGSB dengan segera dan diselesaikan di antara Pemegang Kad dan TNGSB.

Pemberitahuan Kecurian, Kerugian dan Penggantian Kad Zing

- 5.1 Jika Bank menerima pemberitahuan kad Zing yang hilang atau dicuri. Bank tidak mempunyai obligasi untuk mengeluarkan kad gantian. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk mengganti kad, kad baru akan mempunyai nilai sifar tetapi ia akan ditambah nilai semula secara automatik untuk jumlah yang bergantung kepada Nilai Tambah Nilai Automatik yang dipilih oleh Pemegang Kad. Baki tidak digunakan dalam kad yang tidak sah akan dikreditkan ke akaun kad kredit berkenaan Pemegang Kad Utama dengan tolakan fi terpakai dan wang yang kena dibayar kepada TNGSB.

- 5.2 Kad Zing hanya boleh digantikan dengan kebenaran nyata Pemegang Kad Utama dan mungkin tertakluk kepada bayaran pengeluaran selaras dengan Klausula 3.1.

Prosedur Penamatan

- 6.1 Kad Zing akan ditamatkan jika:
- (a) Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad memberitahu Bank tentang niatnya untuk menamatkan (i) Kad Utama atau (ii) Kad Zing melalui telefon, faks atau surat; atau
 - (b) Bank memaklumkan TNGSB mengenai penamatan Kad Utama, melalui pemindahan fail atau sebarang cara lain yang dipersetujui antara Bank dan TNGSB.
- 6.2 Setelah notis telah diberikan seperti dalam Klausula 7.1(a) atau (b) di atas:-
- (a) Bank boleh menasihati TNGSB supaya memberhentikan Fungsi Tambah Nilai Automatik ke atas Kad Zing; and
 - (b) Bank boleh menasihati TNGSB supaya memberhentikan kemudahan TNG ke atas Kad Zing
- Pada budi bicara tunggal dan mutlaknya. Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang dijalankan ke atas Cip TNG, melainkan jika diakibatkan dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau dan atau keingkaran sengaja Bank dan TNGSB, dan Pemegang Kad Utama akan bertanggungjawab ke atas semua Fungsi Tambah Nilai Automatik yang dijalankan dan didebitkan kepada akaun kad kredit berkenaan beliau untuk tempoh 24 jam selepas Bank mengakui penerimaan notis penamatan.
- 6.3 Di mana:-
- (a) Kemudahan TNG telah ditamatkan, Nilai Tidak Digunakan pada kad hendaklah diuruskan seperti Klausula 3.4 di sini; dan
 - (b) hanya Fungsi Tambah Nilai Automatik dalam mana-mana Kad Zing telah dihentikan atau ditamatkan, Nilai Tidak Digunakan akan sah untuk digunakan selagi kad belum habis tempoh atau menjadi Tidak Aktif.

Transaksi pada Kad Hilang dan Dicuri

- 7.1 Pemegang Kad mesti melaporkan kad hilang atau dicuri ke Pusat Kad CIMB dengan segera untuk meminimumkan caj penipuan pada Cip TNG.
- 7.2 Meskipun pemberitahuan segera oleh Pemegang Kad, kedua-dua TNGSB dan Bank akan dibenarkan 24 jam dari masa Bank mengakui penerimaan pemberitahuan Pelanggan untuk menyahaktifkan Cip TNG dalam Kad Zing.
- 7.3 Bagi Kad Zing yang hilang atau dicuri, Pemegang Kad menanggung kerugian untuk semua transaksi yang dilakukan pada Cip TNG sebelum laporan yang betul dibuat kepada Bank dan selama 24 jam selepas Bank mengakui penerimaan laporan yang betul. Pemegang Kad Utama juga akan bertanggungjawab untuk semua Fungsi Tambah Nilai Automatik yang dilaksanakan dan didebitkan ke akaun kad kredit berkenaan sebelum laporan yang betul dibuat kepada Bank dan selama 24 jam selepas Bank mengakui penerimaan laporan yang betul.

Penamatan

- 8.1 Penggunaan Cip TNG dalam Kad Zing boleh ditamatkan oleh Bank atau TNGSB mengikut budi bicara tunggalnya jika:
- (a) terdapat kemungkinan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini atau yang terdapat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad;
 - (b) Kad Zing telah dilaporkan tamat tempoh, hilang, dicuri, palsu atau rosak;

- (c) Kad Zing telah tidak sah;
- (d) Sistem Pembayaran Elektronik TNG TNGSB gagal, telah diubah, ditingkatkan, dinaik taraf atau diubahsuai;
- (e) akaun Kad Zing Pemegang Kad menjadi Tidak Aktif; atau
- (f) Kad Utama telah ditamatkan atas apa jua sebab.

Perubahan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat

9. TNGSB dan Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya memindah) (“Pindaan”) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberi kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi melalui mana-mana satu kaedah yang berikut:-
 - (a) dengan memaparkan notis di premis Bank atau TNGSB; dan/atau
 - (b) dengan menerbit dalam satu atau lebih akhbar pilihan Bank atau TNGSB; dan/atau
 - (c) dengan melalui pos biasa kepada Pemegang Kad; dan/atau
 - (d) dengan memaparkan notis di laman web Bank atau TNGSB; dan/atau
 - (e) dengan memaparkan notis di mana-mana kaunter jualan Touch ‘n Go.

Pindaan akan mengikat Pemegang Kad dari tarikh pemberitahuan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dan/atau TNGSB dalam pemberitahuan.

Pendedahan

10. Bank juga diberi kuasa untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Pemegang Kad kepada TNGSB untuk memudahkan penggunaan Kad Zing dan/atau untuk tujuan memulihkan apa-apa wang yang kena dibayar dan terutang oleh Pemegang Kad kepada Bank dan/atau TNGSB.

Bank dan TNGSB Tidak Bertanggungjawab

11. Melainkan disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja Bank, Bank dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan atau sebarang kerugian yang timbul akibat daripada kegagalan Fungsi Tambah Nilai Automatik untuk sebarang sebab atau keengganinan mana-mana Penyedia Perkhidmatan untuk menerima Kad Zing atau Touch ‘n Go sebagai cara bayaran. Pemegang Kad mesti memastikan bahawa mereka mempunyai cara alternatif untuk membuat bayaran apabila mereka membeli barang atau mendapatkan perkhidmatan daripada Penyedia Perkhidmatan.

Liabiliti ke atas nilai wang yang disimpan dalam Cip TNG

12. TNGSB hendaklah secara tunggal dan eksklusif bertanggungjawab kepada Pemegang Kad untuk nilai wang yang disimpan yang terkandung dalam Cip TNG dan Pemegang Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank yang sama.

Terma-Terma Sebagai Tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad

- 13.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini adalah sebagai tambahan dan menambah kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. Penggunaan kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank juga tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.
- 13.2 Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini yang berkenaan dengan penggunaan Kemudahan Touch 'n Go sahaja akan terpakai.
- 13.3 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah mengatasi mana-mana representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan lain yang diterbitkan atau dikeluarkan berhubung dengan Kemudahan Touch 'n Go.